

17 APR 2002

MAHATHIR-PERNIAGAAN/I

AHLI PERNIAGAAN DIGESA TEMBUSI PASARAN EU DAN AFRIKA BERSAMA-SAMA

Oleh: Mohd Arshi Daud dan Khaidzir Yunus

CASABLANCA, 17 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru ahli-ahli perniagaan Maghribi dan Malaysia supaya berusaha bersama-sama untuk menembusi pasaran-pasaran Kesatuan Eropah (EU) dan Afrika.

Ada banyak bidang perniagaan yang boleh diceburi secara usaha sama untuk faedah bersama di Maghribi kerana negara ini berdekatan benar dengan EU dan merupakan laluan masuk penting ke negara-negara lain di benua Afrika, kata beliau.

"Maghribi boleh menggunakan secara optimum kaitan rapatnya dengan EU dan pada masa yang sama, bekerjasama dengan Malaysia untuk mendapatkan sumber produk berkualiti pada harga yang berdaya saing atau membentuk usaha sama dalam bidang pembuatan, bagi memenuhi keperluan pasaran EU, serta pasaran-pasaran lain di rantau ini," kata Dr Mahathir pada hari Rabu, di sini.

Pelabur-pelabur Maghribi juga patut menggunakan Malaysia sebagai landasan ke Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA), sebuah pasaran serantau dengan penduduk seramai lebih 500 juta dan keluaran dalam negara kasar (KDNK) berjumlah AS\$750 bilion (AS\$1 = RM3.8).

Sebagai penyumbang kedua terbesar kepada perdagangan sesama negara Asean (menguasai 26 peratus), Malaysia merupakan laluan yang berkesan ke rantau ini, tegas Dr Mahathir.

AFTA yang akan dilaksanakan sepenuhnya menjelang 1 Jan, 2003, telah menyaksikan peningkatan perdagangan Asean 4.5 kali sejak ia bermula pada tahun 1993, kata Dr Mahathir yang sedang dalam lawatan selama empat hari ke Maghribi.

Dalam tahun 2000, perdagangan dalam Asean berjumlah AS\$175.4 bilion manakala dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2001 nilai perdagangan demikian berjumlah AS\$76.2 bilion, jelas beliau dalam ucapannya pada pertemuan dengan komuniti perniagaan di sini.

Perdana Menteri mengetuai lawatan selama seminggu ke Maghribi, Libya dan Bahrain. Perwakilan yang diketuainya itu terdiri daripada menteri-menteri kabinet, pegawai-pegawai kerajaan dan ahli-ahli perniagaan.

Dr Mahathir berkata, tarikan yang ada pada Malaysia terletak pada persekitaran yang berdaya saing dari segi kos, kerajaan yang mesra perniagaan, prasarana yang amat baik serta galakan dan sokongan pentadbiran yang disediakan bagi pelaburan asing.

"Syarikat-syarikat Maghribi, termasuk perusahaan kecil dan sederhana dialu-alukan untuk meneroka peluang-peluang perniagaan yang ada di Malaysia," katanya.

Selain daripada industri-industri keutamaan seperti bidang pengeluaran elektronik teknologi tinggi, peralatan perubatan, industri sokongan kejuruteraan, komponen automotif, bioteknologi dan farmaseutikal, Malaysia sedang giat menggalakkan industri teknologi komunikasi maklumat (ICT), kata Perdana Menteri.

Setakat bulan Mac, 2002, sejumlah 657 buah syarikat telah diberikan taraf Koridor Raya Multimedia (MSC) yang melayakkan mereka mendapat galakan-galakan khas, perlindungan undang-undang siber dan prasarana jalur lebar, katanya.

Dr Mahathir berkata, syarikat-syarikat Malaysia juga berdaya saing dalam sektor perkhidmatan, khususnya pendidikan, latihan, penjagaan kesihatan, pembinaan, pembangunan prasarana dan pelancongan.

"Syarikat-syarikat Malaysia telah melaksanakan projek-projek pembinaan dengan jayanya di banyak negara di dunia, termasuk di Afrika, Asia Barat, Asia Timur, benua kecil India dan Timur Eropah.

"Syarikat-syarikat Maghribi patut meneroka kemungkinan menjadi rakan kongsi syarikat Malaysia untuk membuat tawaran bagi mendapatkan projek-projek, bukan sahaja di Maghribi tetapi juga di negara-negara lain di rantau ini," tambahnya.-- BERNAMA

MAD/KHY MKO SHY KY OS